

## **NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (“NOTIS”)**

Notis ini (“**Notis**”) adalah dikeluarkan menurut peruntukan-peruntukan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi (“**APDP**”). Notis ini menerangkan bagaimana data peribadi anda yang dikumpul atau akan dikumpul dalam interaksi anda dengan Tetuan Ranjit Singh & Yeoh (“**RSY**”) akan diproses untuk membolehkan dan melancarkan urusan undang-undang anda serta akan disimpan bagi membolehkan dan memudahkan akses kepada data tersebut serta pengemaskinian data tersebut apabila perlu.

**Data Peribadi** bermaksud maklumat peribadi anda yang telah anda bekalkan kepada kami dan mungkin merangkumi nama, tarikh lahir, kewarganegaraan, jantina, nombor kad pengenalan/pasport, fotograf, status perkahwinan, status pemastautin, maklumat pendidikan atau maklumat-maklumat lain yang berkaitan, hobi, kemahiran, bahasa, alamat persuratan, maklumat perhubungan termasuk nombor telefon bimbit, pejabat dan rumah dan juga nombor faksimili, alamat e-mel, maklumat perbankan, maklumat berhubung dengan kepercayaan kredit, butiran KWSP/PERKESO, butiran cukai pendapatan, butiran anak-anak, nama dan maklumat perhubungan saudara-mara, keadaan atau kesihatan mental, fahaman politik kepercayaan agama atau kepercayaan yang sepertinya, perlakuan atau alegasi perlakuan sebarang jenayah, butiran pekerjaan, orientasi seksual, jawatan pengarah dalam mana-mana syarikat, pegangan saham dalam mana-mana syarikat, penglibatan dalam prosiding undang-undang, pemilikan hartanah, butiran pendaftaran kenderaan dan mana-mana maklumat tambahan yang dibekalkan oleh anda atau pihak ketiga mengenai anda dan mana-mana maklumat lain yang relevan, perlu, bersampingan atau diwajibkan bagi membolehkan kami bertindak untuk anda serta yang diperlukan untuk mematuhi keperluan atau kewajipan undang-undang dan kawalan. Data peribadi yang dikumpul akan diterima secara umumnya dari anda secara langsung atau melalui e-mel, borang-borang, perjumpaan terus-menerus, temuramah, pendaftaran dan kehadiran dalam seminar-seminar, kad-kad nama dan perbualan telefon dan/atau daripada sumber-sumber pihak ketiga (awam mahupun persendirian) seperti Suruhanjaya Syarikat dan Jabatan Insolvensi.

---

**Tujuan Pengumpulan.** Kami akan menggunakan dan memproses data peribadi anda bagi tujuan melaksanakan perkhidmatan seperti mana yang telah diarahkan oleh anda.

**Penyimpanan.** Kami akan menyimpan dan menjaga serta merahsiakan Data Peribadi yang telah diperolehi menurut Polisi-Polisi RSY dan menurut mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa dan terpakai dari masa ke semasa. Segala usaha yang munasabah dan segala langkah yang praktikal akan diambil untuk memastikan supaya segala data peribadi anda yang dipegang oleh RSY disimpan dan dilindungi daripada segala kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses atau pendedahan, perubahan atau pemusnahan yang tidak dibenarkan atau tidak disengajakan. Bagi tujuan mematuhi segala peruntukan yang berkaitan dengan pengekalan data peribadi yang terkandung dalam APDP, segala usaha yang munasabah dan segala langkah yang praktikal juga akan diambil untuk memastikan supaya data peribadi anda yang tersimpan dengan RSY akan dimusnahkan atau dihapuskan selama-lamanya jika data peribadi tersebut tidak lagi diperlukan bagi tujuan-tujuan yang disebut di sini.

**Pendedahan.** Data peribadi anda mungkin didedahkan kepada mana-mana rakan kongsi, peguam dan pekerja dalam firma kami atas dasar perlu-tahu yang ketat. Pendedahan data peribadi tersebut juga mungkin dibuat kepada pihak-pihak yang mempunyai kewajipan kerahsiaan kepada kami seperti juruaudit-juruaudit, konsultan-konsultan, insurer-insurer yang dicadangkan, penasihat-penasihat, jurubank-jurubank, agen-agen, pembekal-pembekal perkhidmatan pihak ketiga (termasuk firma-firma guaman dalam bidang kuasa mahkamah yang lain), rakan-rakan niaga (termasuk pemproses-pemproses data), dan pihak berkuasa kerajaan, kuasi-kerajaan dan kawalan di Malaysia dan di mana-mana negara yang kami mempunyai kehadiran.

**Obligasi untuk membekalkan Data Peribadi.** Sementara anda tidak diwajibkan atau dimestikan memberi data peribadi anda kepada RSY, pilihan anda untuk tidak berbuat demikian mungkin akan menyebabkan RSY tidak dapat berkomunikasi dengan anda dan/atau menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan yang anda perlukan.

**Hak-hak Anda.** Di bawah APDP, anda mempunyai hak untuk:

- (a) memohon akses kepada data peribadi anda;
- (b) memohon supaya mana-mana maklumat yang kurang tepat, kurang lengkap atau luput dibetulkan; atau
- (c) menarik balik atau mengehadkan kebenaran anda untuk penggunaan data peribadi anda.

Permohonan anda boleh dihantar secara bertulis kepada:

Pengurus,

Ranjit Singh & Yeoh

Unit D3-5-12, Block D3, Solaris Dutamas

No. 1 Jalan Dutamas 1

50480 Kuala Lumpur

T : + 603 6205 4128

F : + 603 6205 4129

E : [recept@ranjityeoh.com](mailto:recept@ranjityeoh.com)

*\* Harap maklum bahawa mana-mana pertanyaan dan/atau permohonan yang berkaitan dengan data peribadi anda mungkin tertakluk kepada yuran dan keperluan yang diperuntukkan di bawah APDP.*

Jika kami tidak dapat memenuhi permohonan anda, kami akan memaklumkan anda akan sebab-sebab yang menyebabkan keadaan itu. Sila maklum bahawa kami mungkin memerlukan dokumen-dokumen lanjutan daripada anda yang berkaitan dengan data baru bagi mengelak frod dan ketidaktepatan.

Kami berhak menolak permohonan anda untuk data peribadi anda jika:

- a) terdapat sebab-sebab bagi penolakan tersebut di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai;
- b) permohonan anda menjejaskan keselamatan dan privasi Data Peribadi orang lain; dan/atau
- c) permohonan anda adalah tidak praktikal dan/atau tidak dibuat dengan suci hati.

RSY mengekalkan haknya untuk mengubahsuai atau mengemaskinikan Notis ini pada bila-bila masa dengan menggantikan notis pada laman web kami dengan notis yang telah diubahsuai atau dengan mana-mana cara lain yang kami pilih. Jika anda terus berkomunikasi dengan kami atau menggunakan perkhidmatan kami selepas pengubahsuaian itu, ia adalah menjadi suatu tanda bahawa anda telah menerima pengubahsuaian tersebut.

Dengan Notis ini, anda bersetuju dan mengesahkan bahawa data peribadi anda boleh dikumpul, diproses dan terus diproses oleh kami bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di sini, dan bahawa anda telah mendapatkan persetujuan pihak-pihak yang mana data peribadi mereka diberikan kepada kami oleh anda atau boleh dikenalpasti melalui data peribadi anda.

## **PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE ("NOTICE")**

This notice ("**Notice**") is produced in compliance with the Personal Data Protection Act 2010 ("**PDPA**"). This Notice explains how your personal information collected or to be collected in the course of interactions with Ranjit Singh & Yeoh ("**RSY**") is processed to enable expedient conduct of legal engagement of your matter and is stored for accessibility and ease of updating.

**Personal Data** means personal information you have provided to us, which may include your name, date of birth, nationality, gender, NRIC/passport number, photograph, marital status, residency status, education or other related qualifications, hobbies, skills, languages, correspondence address, contact details including mobile, office and residential telephone numbers and facsimile numbers, e-mail address, banking details, financial/creditworthiness information, EPF/SOCSO details, income tax details, children's details, names and contact details of relatives, mental health or condition, political opinion, religious belief or other similar belief, commission or alleged commission of offences, employment details, sexual orientation, directorship in companies, shareholdings in companies, involvement in legal proceedings, ownership of property, car registration details and any additional information provided by you or third parties about you and such other information relevant, necessary, incidental or required for our legal engagement and compliance with legal and regulatory requirements. Personal data collected will mainly be from you directly or through emails, forms, face-to-face meetings, interviews, registration and attendance at seminars, business cards, and telephone conversations and/or from third party sources (both public and private) such as the Companies Commission and Insolvency Department.

**Purpose of Collection.** We will use and process your personal data for the purposes of providing the services for which you have engaged us.

**Storage.** We will store and keep confidential Personal Data obtained and secured in accordance with RSY's Policies and pursuant to any applicable law that from time to time may be in force. All reasonable efforts and practical steps will be taken to ensure that all your personal

data held by RSY is kept and is protected against any loss, misuse, modification, unauthorised or accidental access or disclosure, alteration or destruction. In compliance with all requirements for retention of personal data provided by the PDPA, we will ensure that all reasonable efforts and practical steps will also be taken to ensure that your personal data kept by RSY is destroyed or permanently deleted if it is no longer required for the purposes mentioned herein.

**Disclosure.** Such personal data may be disclosed to any of our partners, lawyers and employees on a strictly need-to-know basis. Disclosure of such personal data may also be made to those parties who are under a duty of confidentiality to us such as our auditors, consultants, proposed insurers, advisers, bankers, agents, third party service providers (including law firms in other jurisdictions), business partners (including data processors), and government or quasi-government and regulatory authorities in Malaysia and in countries where we have a presence.

**Obligation to provide Personal Data.** Whilst it is not obligatory or compulsory for you to provide RSY with your personal data, your choice not to do so may result in RSY being unable to communicate and/or provide you with the services you require otherwise.

**Your Rights.** Under the PDPA, you have the right to:

- (a) request access to your personal data;
- (b) request correction of any inaccurate, incomplete or out-of-date information; or
- (c) withdraw your consent or limit the use of your personal data.

You may send your request in writing to:

Manager,

Ranjit Singh & Yeoh

Unit D3-5-12, Block D3, Solaris Dutamas

No. 1 Jalan Dutamas 1

50480 Kuala Lumpur

T : + 603 6205 4128

F: : + 603 6205 4129

E : [recept@ranjityeoh.com](mailto:recept@ranjityeoh.com)

*\* Please note that any enquiries and/or requests relating to your personal data may be subject to prescribed fees and requirements under the PDPA.*

If we are unable to comply with your request, we will notify you of the reasons for such inability. Please note that we may require further documentary evidence from you of new data to avoid fraud and inaccuracy.

We are entitled to refuse your request for your personal data if:

- a) there are any reasons to do so under applicable laws;
- b) your request jeopardises the security and privacy of the Personal Data of others; and/or
- c) your request is impractical and/or not made in good faith.

RSY reserves its rights to modify or update this Notice at any time by placing the modified notice on our firm's website or by any other means we may choose. If you continue to communicate with us or to use our services following the modification, it shall signify your acceptance of such modification.

With this Notice, you hereby consent and confirm that your personal data may be collected, processed and continue to be processed by us for the purposes stated herein, and that you have

obtained consent from the person(s) whose personal data may be given to us by you or identified from your personal data.